

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** Y.B. TUAN HAJI NASRUDIN BIN HASSAN  
[ TEMERLOH ]

**TARIKH :** 26.11.2014

**SOALAN :**

Tuan Haji Nasrudin bin Hassan [ Temerloh ] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan senarai IPTA yang komited terhadap wakaf pendidikan dan langkah-langkah Kementerian dalam menjayakan wakaf pendidikan ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang telah mewujudkan dana wakaf adalah:

**i. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)**

Dana Wakaf UKM yang ditubuhkan dengan kerjasama Majlis Agama Islam Selangor dan CIMB Islamic adalah bertujuan untuk membantu mahasiswa yang kurang berkemampuan dalam membiayai yuran pengajian dan kos sara hidup.

## **ii. Universiti Putra Malaysia (UPM)**

Dana Wakaf Ilmu UPM ditubuhkan bagi membantu penyediaan kemudahan dan prasarana untuk pelbagai aktiviti keilmuan, termasuklah program pengajaran dan pembelajaran, dakwah dan pengimaranan, penyelidikan dan inovasi, serta khidmat komuniti yang menjadi teras universiti.

## **iii. Universiti Malaya (UM)**

Dana Yayasan Persatuan Alumni UM diwujudkan bagi memberikan biasiswa bagi pelajar-pelajar UM yang berkelayakan.

Selaras dengan pelaksanaan autonomi oleh beberapa buah IPTA, dana wakaf dilihat sebagai salah satu daripada punca pendapatan dalaman universiti. Salah satu aspek autonomi yang diberikan kepada universiti adalah penjanaan pendapatan sendiri. Oleh yang demikian, universiti diberi kelonggaran untuk membelanjakan dana dan peruntukan tanpa terikat dengan prosedur kewangan yang ditetapkan oleh agensi pusat. Kebebasan dalam perbelanjaan ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada kelestarian pembangunan akademik dan pembudayaan ilmu di universiti, malahan juga dapat memberi galakan kepada setiap universiti yang terlibat untuk menjayakan dana wakaf universiti masing-masing.